

NO SOALAN : 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI (KUDAT)**

**TARIKH : 24.5.2016
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah status terkini berkenaan rancangan pembinaan kem tentera di Sikuati, Kudat. Bilakah ianya mula dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan terhadap pertahanan dan keselamatan Negara, lebih-lebih lagi terhadap keselamatan Pantai Timur Sabah ekoran daripada insiden pencerobohan di kawasan tersebut.

Selain daripada menempatkan aset-aset ketenteraan di lokasi strategik, pihak Kementerian juga sedang meningkatkan kemudahan infrastruktur untuk pasukan Batalion Pertama, Rejimen 507 Askar Wataniah di Sikuati, Kudat, Sabah. Projek ini telah bermula pada 4 November 2015 dan dijangka siap pada bulan Jun 2016. Bagi perancangan jangka panjang, sebuah Batalion Infantri Mekanize akan ditempatkan di Kota Belud bagi memperkukuhkan lagi ketumbukan pasukan keselamatan di Pantai Timur Sabah. Perkara ini telah mula dilaksanakan dan masih dalam proses untuk menyempurnakannya.

SOALAN NO. 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan kaedah kenaikan gaji penjawat awam
yang diumumkan baru-baru ini**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, Kerajaan akan melaksanakan penetapan Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam Perkhidmatan Awam sebanyak RM1,200.00 sebulan. Ini bermakna semua gred yang gaji permulaannya adalah lebih rendah daripada RM1,200.00 akan ditambah baik berdasarkan relativiti dan pariti gaji supaya gaji terendah dalam Perkhidmatan Awam bermula dari RM1,200.00 dan ke atas.

Selain itu, penjawat awam turut diberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) berikutan rasionalisasi 252 skim perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.